



Tubuhkan perniagaan anda di Perth, salah sebuah bandar raya yang paling mesra dan selesa didiami di dunia



Kerajaan Australia Barat mengalu-alukan kehadiran penghijrah perniagaan yang diiktiraf dan dihargai sumbangannya kepada ekonomi, peluang pekerjaan dan keragaman budaya Negeri ini.

Perth merupakan antara bandar raya yang paling selesa didiami di dunia dengan iklim seperti Mediterranean, masyarakat beragam dan taraf hidup yang tinggi.

Australia Barat memiliki persekitaran perniagaan yang dinamik dengan sejarah perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang kukuh serta sumber dan aset pertanian yang kaya. Perth juga merupakan pangkalan bagi sejumlah daripada semua syarikat yang tersenarai di ASX (Bursa Sekuriti Australia). Inilah masa yang sesuai untuk para penghijrah mengorak langkah dan meraih berbagai-bagai peluang perniagaan yang ada di Australia Barat.

Perth terletak dalam zon masa yang sama dengan 60 peratus penduduk dunia. Di sini, anda mendiami dan mengendalikan perniagaan di bandar raya yang memiliki hubungan sedunia. Perth berada di kedudukan strategik sebagai pintu gerbang rantau Asia-Pasifik, dengan penerbangan terus ke pelbagai destinasi termasuk Indonesia, Singapura, Malaysia dan China.

Mereka yang berhijrah boleh memilih tinggal di daerah pinggir kota tepian pantai, kawasan perjiranan keluarga atau bandar pedalaman yang tenteram. Tidak kira lokasi mana yang dipilih, mereka akan menemui rangkaian sosial dan sokongan serta komuniti dari berbagai-bagai latar belakang dan agama.

Visa perniagaan sementara

Aneka pilihan visa penduduk sementara disediakan untuk penghijrah menguruskan perniagaan atau melabur. Yuran permohonan penamaan negeri bagi visa perniagaan sementara ialah AU\$750.

Visa perniagaan sementara termasuk:

1. Visa Perniagaan Sub Kelas 188 – Business Innovation Stream (Jurusan Inovasi Perniagaan)

Visa ini untuk penghijrah yang memenuhi kriteria berikut:

- Selama dua daripada empat tahun fiskal yang lalu, memiliki kepentingan dan menguruskan secara langsung sehingga dua perniagaan utama dengan perolehan tahunan minimum AU\$750,000 setiap tahun tersebut;
- Memiliki aset perniagaan dan aset peribadi bersih sekurang-kurangnya AU\$1,250,000; dan
- Tidak terlibat dalam perniagaan yang mengambil lebih 50 peratus masa mereka menyediakan perkhidmatan profesional, teknikal atau perdagangan.

Kebanyakan pemegang visa ini layak memohon Visa 888 dan taraf penduduk tetap selepas memiliki dan menguruskan perniagaan di Australia Barat sekurang-kurangnya dua daripada tiga tahun yang lalu dan memenuhi kriteria kepentingan pemilikan, perolehan, aset, pekerjaan dan kediaman yang berkaitan.



Small Business Development Corporation



2. Visa Perniagaan Sub Kelas 188 – Investor Stream (Jurusan Pelabur)

Visa ini untuk penghijrah yang memenuhi semua kriteria berikut:

- Pengalaman berjumlah sekurang-kurangnya tiga tahun terlibat secara langsung menguruskan satu atau lebih perniagaan yang diluluskan atau pelaburan yang layak;
- Dalam tempoh setahun daripada lima tahun fiskal yang lalu, secara langsung menguruskan perniagaan yang mereka miliki sekurang-kurangnya 10 peratus; atau secara langsung menguruskan pelaburan bernilai sekurang-kurangnya AU\$2.5 juta;
- Bagi setiap satu daripada dua fiskal yang lalu, memiliki jumlah aset perniagaan dan peribadi bernilai bersih sekurang-kurangnya AU\$2.5 juta;
- Berupaya membuat pelaburan patuh sebanyak AU\$2.5 juta sepanjang tempoh visa sementara seperti yang dinyatakan oleh Department of Home Affairs (DHA – Jabatan Dalam Negeri);

Kebanyakan pemegang visa ini layak memohon Visa 888 dan taraf penduduk tetap selepas mempunyai Pelaburan Patuh sebanyak A\$2.5 juta bagi sekurang-kurangnya tiga tahun dan tinggal di Negeri ini sekurang-kurangnya dua tahun semuanya sepanjang tempoh ini.

Bagi penerangan lanjut tentang visa ini dan rangka kerja pelaburan patuh, sila layari laman web DHA di immi.homeaffairs.gov.au

3. Visa Perniagaan Sub Kelas 188 – Significant Investor Stream (Jurusan Pelabur Ketara)

Visa ini untuk penghijrah dengan aset perniagaan dan peribadi sekurang-kurangnya AU\$5 juta yang tersedia untuk pelaburan dalam rangka kerja pelaburan patuh seperti dinyatakan oleh DHA sebaik sahaja sebelum visa diluluskan.

Pemegang visa ini layak memohon Visa 888 dan taraf penduduk tetap selepas mempunyai pelaburan patuh di Australia bagi tempoh visa (minimum tiga tahun berturut-turut) dan menetap di Australia sekurang-kurangnya 120 hari semuanya dalam tempoh ini.

Bagi penerangan lanjut tentang visa ini dan rangka kerja pelaburan patuh, sila layari laman web DHA di immi.homeaffairs.gov.au

4. Visa Perniagaan Sub Kelas 188 – Entrepreneur Stream (Jurusan Usahawan)

Visa ini untuk penghijrah yang bercadang melakukan aktiviti keusahawanan di Australia Barat. Bagi penerangan lanjut, sila kirim e-mel: businessmigration@smallbusiness.wa.gov.au untuk Permohonan Expression of Interest (EOI).

Visa perniagaan kekal

Visa perniagaan Penduduk Tetap diberikan kepada individu yang berjaya memenuhi syarat-syarat visa perniagaan sementara termasuk perjanjian Penamaan Negeri dan kriteria DHA.

Syarat-syarat penamaan Negeri untuk visa sub kelas 188 dan sub kelas 888 biasanya adalah sama seperti syarat-syarat Department of Home Affairs (DHA).

Yuran permohonan penamaan negeri bagi visa perniagaan penduduk tetap ialah AU\$750.

Visa ini untuk pemegang visa sementara 188 Business Innovation Stream, 188 Investor Stream, 188 Significant Investor Stream atau 188 Entrepreneur.

Penerangan lanjut

Bakal-bakal penghijrah perniagaan dan ejen mereka digalakkan melayari laman web Kerajaan Australia Barat di businessmigration.wa.gov.au untuk menjalankan penilaian kendiri berbanding kategori visa perniagaan dan mengajukan permohonan untuk penamaan negeri. Pemilik perniagaan dan pelabur yang berjaya, yang telah pun terlibat dalam perniagaan atau pelaburan di Australia Barat, juga mungkin layak untuk salah satu visa dalam risalah ini.

Memohon visa perniagaan untuk WA bermaksud:

- Syarat-syarat minimum adalah sama seperti kriteria DHA;
- Pilihan mana-mana aktiviti perniagaan yang diluluskan;
- Menyertai aktiviti perniagaan Pembangunan Hartanah;
- Permohonan untuk Pengecualian Umur atau Sokongan Istimewa akan dipertimbangkan mengikut kes;
- Pemprosesan Keutamaan boleh dipohon dalam situasi istimewa.

Business Migration Centre

Small Business Development Corporation

Telefon +61 (08) 6552 3300

businessmigration@smallbusiness.wa.gov.au

businessmigration.wa.gov.au